

Nasihat Dr M kepada Pergerakan Berkecuali Negara industri musuhi kita: PM

BH 3 SEP 1986

HARARE, Selasa — Negara-negara perusahaan Barat mungkin tidak bersubahat untuk menjahanamkan masa depan negara-negara membangun, tetapi pada dasarnya mereka mempunyai strategi tertentu untuk menekan, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Teknologi tinggi di tangan negara-negara perusahaan yang memusuhi negara membangun boleh menyebabkan barangan dan bahan-bahan mentah menjadi tidak berguna, katanya.

"Kita sudah melihat nasib yang menimpa ga-

Daripada A KADIR JASIN

lian yang kita hasilkan dan baru-baru ini pula petroleum," kata Perdana Menteri di sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali di sini.

Perdana Menteri semalam berucap bagi pihak Pergerakan Berkecuali dari Asia bagi mengalu-alukan perlantikan Perdana Menteri Zimbabwe, Robert Mugabe, sebagai pengerusi baru Pergerakan Berkecuali untuk tiga tahun akan datang.

Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Luar, Datuk Rais Yatim. Perdana Menteri berlepas ke Dar Es Salaam, Tanzania selepas upacara pembukaan bagi menemui negarawan Tanzania, Julius Nyerere.

Malaysia berhasrat menjemput Nyerere, bekas Presiden Tanzania itu, untuk mempengerusikan Suruhanjaya Bebas Selatan-Selatan yang dicadangkan. Perdana Menteri dijangka kembali semula ke Harare hari ini. Beliau dijadualkan berucap esok.

Perdana Menteri berkata, masanya sudah tiba bagi Pergerakan Berkecuali memikirkan semula kedudukannya setelah mencapai usia 25 tahun, sambil menambah bahawa walaupun pergerakan itu telah memperoleh kemenangan gemilang pada tahun-tahun awalnya dengan membawa kemerdekaan dan kebebasan kepada anggota, masa depannya mungkin tidak selancar itu.

Paling teruk

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Pergerakan Berkecuali menghadapi pelbagai rupa masalah dan berdepan dengan musuh-musuh yang pintar yang berjaya mematahkan cabaran pergerakan itu.

Impian mewujudkan peraturan baru ekonomi dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir, masih satu harapan yang tidak tercapai atau paling teruk satu bayang-bayang.

Mengalu-alukan perlantikan Perdana Menteri Mugabe, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau amat tertarik hati dan bangga dengan keluasan pandangan Encik Mugabe, terutama sekali mengenai apa yang perlu dilaksanakan.

Sejarah akan mengukuhkan kita jika kita membiarkan pandangan kita mengatasi segala sesuatu yang harus kita lakukan atau membiarkan diri kita dikalahkan oleh hujah-hujah sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin perkara itu tidak akan berlaku kepada Pergerakan Berkecuali di bawah pimpinan Encik Mugabe.

Encik Mugabe, kata Datuk Seri Dr Mahathir, adalah seorang pemimpin pelbagai watak. Beliau adalah seorang pejuang pembebasan, ahli akademik, pembela kemanusiaan dan pemimpin Zimbabwe.

Beliau adalah anak Afrika yang membawa kebanggaan kepada benuanya, kata Perdana Menteri, sambil menambah bahawa pengalamannya hidupnya menyentuh dan memberi kesan kepada kebangkitan benua Afrika.

Dengan pengalaman itu, kata Perdana Menteri, Encik Mugabe pasti dapat menjalankan tugasnya dengan cemerlang.